

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 19 FEBRUARI 2023
AKHBAR : METRO AHAD
MUKA SURAT : 5

Pendapatan tertinggi RM2,499



SEBANYAK 9771 peratus pekerja p-hailing adalah belia yang berumur 15 hingga 30 tahun.

KAJIAN DOSM BABITKAN 6.657 PEKERJA P-HAILING

PENDAPATAN TERTINGGI RM2,499

Kuala Lumpur

Kajian Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) membabitkan 6,657 pekerja p-hailing mendapati 97.71 peratus daripada mereka adalah belia yang berumur 15 hingga 30 tahun manakala 2.29 peratus lagi terdiri daripada warga emas berusia 60 tahun ke atas.

Dalam satu kenyataan, DOSM memaklumkan kajian yang dijalankan dari 1 Mac hingga 31 Dis 2022 mendapati kebanyakan pekerja p-hailing mempunyai tahap pendidikan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)/Sijil Pelajaran Malaysia Vokasional (SPMV) atau setaraf (39.54 peratus), kelulusan diploma dan setaraf (23.24 peratus) dan ijazah

sarjana muda (11.79 peratus).

"Dapatan juga menunjukkan 0.21 peratus pekerja p-hailing adalah kelompok yang tidak bersekolah dan 0.99 peratus tidak mempunyai sebarang kelayakan akademik," menurut kenyataan itu.

Menurutnya 73.98 peratus pekerja p-hailing menjadikan pekerjaan itu sebagai sumber pendapatan utama manakala 70.35 peratus menjadikannya sebagai pekerjaan utama, selain 29.65 peratus tidak menjadikan p-hailing sebagai pekerjaan utama mereka.

Mengenai perlindungan sosial pula, kajian itu mendapati 72.25 peratus responden mencarum dengan Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) dan hanya 22.05 pe-

ratus mencarum dengan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

DOSM memaklumkan terdapat peningkatan pendapatan pekerja p-hailing selepas menyertai aktiviti penghantaran makanan dan barangan dengan pendapatan tertinggi yang diperoleh antara RM1,501 hingga RM2,499 (26.78 peratus), diikuti RM1,500 dan ke bawah (23.39 peratus) serta RM2,500 hingga RM3,170 (11.67 peratus).

"Terdapat 36.61 peratus pekerja p-hailing mempunyai simpanan mahupun pelaburan sendiri manakala 63.39 peratus tidak mem-

punyai apa-apa simpanan.

"Dari segi pemilikan polisi insuran didapati 45.07 peratus pekerja p-hailing mempunyai polisi insurans sendiri manakala 54.93 peratus adalah sebaliknya," menurut kenyataan itu.

Menurut DOSM, waktu bekerja pekerja p-hailing dalam seminggu menunjukkan tiga kategori tertinggi ialah yang bekerja antara tempoh 49 jam hingga 84 jam (30.79 peratus), 30 jam hingga 48 jam (25.84 peratus) dan kurang daripada 30 jam (25.42 peratus).

Kajian itu mendapati lima sebab

utama pekerja p-hailing menyertai bidang perkhidmatan itu adalah untuk menampung perbelanjaan harian, membantu keluarga, mempunyai masa bekerja fleksibel, membuat simpanan dan tidak terikat dengan peraturan atau kontrak pekerjaan.

DOSM berkata terdapat lima tumpuan strategik meliputi 19 inisiatif dan 19 pelan tindakan yang diadangkan hasil kajian itu, antaranya memastikan kebajikan pekerja p-hailing dilindungi di bawah perundangan perburuhan atau setara serta menyediakan saluran aduan dan komunikasi sesuai bagi menyelesaikan pertikaian antara syarikat penyedia perkhidmatan dan pekerja.

“0.21 peratus pekerja p-hailing adalah kelompok yang tidak bersekolah DOSM”